

**UNTUK SIARAN SEGERA**



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**KENYATAAN MEDIA**

**KPM ZAHIRKAN UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA PELAJAR  
IPG YANG KEMALANGAN SEWAKTU MENGIKUTI PROGRAM  
LUAR KAMPUS, PASTIKAN BANTUAN SEGERA DIBERI  
KEPADA KELUARGA**

Kementerian Pendidikan (KPM) menzahirkan rasa dukacita dan merakamkan ucapan takziah kepada keluarga dua pelajar Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Perlis yang mengalami kemalangan sewaktu mengikuti Program Pendidikan Luar Kampus pada Sabtu. Semoga seluruh keluarga diberi kekuatan dan ketabahan dalam menghadapi ujian ini.

KPM sedang menguruskan bantuan segera kepada keluarga pelajar terlibat. Sokongan psikososial turut disediakan. Aspek kebajikan dan kesejahteraan diberi tumpuan.

Kejadian ini sedang berada dalam siasatan pihak berkuasa. KPM juga telah memulakan proses siasatan dalaman bagi meneliti pematuhan setiap prosedur operasi standard (SOP) yang berkaitan.

Semua institusi pendidikan bawah kelolaan KPM diingatkan untuk sentiasa memastikan penganjuran aktiviti luar mematuhi setiap SOP yang sedang berkuatkuasa dan keselamatan peserta diberi perhatian.

**TAMAT**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
5 APRIL 2026**